

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 02.10.2025 MASA: 6:30PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2025
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
4 OKTOBER 2025 (SABTU)
8.25 MALAM

SETIA FONTAINES HERITAGE PARK, KEPALA BATAS
SEBERANG PERAI UTARA

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

- 1. Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama
Haji Ramli Bin Ngah Talib**
Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang
- 2. Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu**
EXCO Perumahan Dan Alam Sekitar
- 3. Yang Berhormat Tuan Fahmi Bin Zainol**
EXCO Agroteknologi & Keterjaminan Makanan Dan
Pembangunan Koperasi
- 4. Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul
Hamid**
Datuk Bandar Seberang Perai
- 5. Yang Dihormati CP Dato' Ts. Azizee Bin Ismail**
Ketua Polis Negeri Pulau Pinang
- 6. Yang Dihormati Datuk Zaini Yusoff**
Presiden & Ketua Pengawai Eksekutif
Setia Experience Centre
- 7. Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

8. Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Persekutuan, Negeri Pulau Pinang & MBSP

9. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

10. Rakan-Rakan Media, Tuan-Tuan & Puan-Puan Yang
Dihormati Sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Malam, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada malam yang penuh bermakna ini bagi meraikan **Sambutan Hari Landskap Negara 2025 Peringkat Negeri Pulau Pinang** yang julung kali diadakan di Setia Fontaines Heritage Park, Seberang Perai Utara.
2. Saya, bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin menjunjung kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di atas kesudian menghadiri serta menyempurnakan majlis pada malam ini. Sesungguhnya, keberangkatan Tuan Yang Terutama melengkapkan lagi makna sambutan ini sebagai satu wadah penyatuan aspirasi negeri dan rakyat.

3. Saya turut merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow; Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu, EXCO Perumahan dan Alam Sekitar; para dif kehormat; wakil jabatan serta agensi kerajaan dan swasta; institusi akademik, NGO, rakan strategik, warga kerja MBSP serta masyarakat setempat yang hadir bersama-sama menjayakan majlis ini. Kehadiran dan sokongan tuan-tuan dan puan-puan membuktikan bahawa agenda landskap adalah agenda bersama.
4. Untuk makluman, Sambutan Hari Landskap Negara peringkat negeri Pulau Pinang adalah program tahunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dilaksanakan secara bergilir oleh MBSP dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Pulau Pinang (PlanMalaysia @ Pulau Pinang) selaku urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Landskap Negeri.
5. Bagi Tahun ini, MBSP diberi penghormatan menjadi tuan rumah dengan tema:
“Industri Landskap Pemacu Pembangunan MADANI.”
Tema ini cukup besar maknanya. Ia mengingatkan kita bahawa pembangunan tidak hanya tentang **jalan, bangunan atau infrastruktur**, tetapi juga tentang **landskap yang hijau, lestari dan berdaya huni** – seiring dengan aspirasi **Malaysia MADANI**.

6. Landskap bukan sekadar hiasan.

Landskap adalah **ekosistem kehidupan** – yang menyihatkan tubuh, menenangkan minda, mengeratkan masyarakat, mengangkat identiti negeri, dan pada masa yang sama memberi nilai tambah kepada **ekonomi serta pelancongan**. Justeru, sambutan ini adalah bukti komitmen kita untuk memperkukuh landskap sebagai **pemacu pembangunan yang seimbang, inklusif dan berdaya tahan**.

7. Untuk itu, pelbagai aktiviti menarik telah disusun – daripada rekreasi dan kecergasan, bengkel pendidikan, program hijau, hinggalah ke pameran pencahayaan landskap malam “Lumination” yang diperkenalkan melalui Corporate Priority MBSP 2025.

Objektif kita jelas untuk:

- a) Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peranan landskap.
- b) Memperkukuh industri landskap sebagai penyumbang ekonomi dan sosial.
- c) Menyokong aspirasi Malaysia MADANI dalam melahirkan bandar lestari.
- d) Mengangkat identiti Pulau Pinang dengan simbol pokok pinang – warisan negeri kita.

8. Pulau Pinang terkenal dengan warisan, budaya dan biodiversiti. Maka, tugas kita adalah memelihara landskap ini sebagai **warisan generasi, kebanggaan negeri, dan cerminan tamadun.**
9. Saya yakin, dengan kerjasama kerajaan, swasta, komuniti, NGO dan institut akademik – kita mampu memperkukuh landskap sebagai pemacu pembangunan negeri. Sambutan ini bukan sekadar acara tahunan, tetapi **titik permulaan untuk memperbaharui semangat dan iltizam kita.**
10. Akhir kata, marilah kita bersama-sama menyemarakkan semangat Hari Landskap Negara dengan menjadikan landskap sebagai warisan, landskap sebagai identiti, dan landskap sebagai pemacu pembangunan MADANI.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.